



KOSMO (20/12/2022) Page 3

Tanah lembik jadi cabaran hari keempat operasi SAR di lokasi tragedi tanah runtuh

# Lumpur setinggi bangunan 5 tingkat

Oleh NUR ALWANI ZAFIRAH  
KHAIRUL dan NURUL IZZATI ZAINI

**HULU SELANGOR** - Hujan lebat sejak petang kelmarin menyebabkan lumpur di lokasi kejadian tanah runtuh di Jalan Batang Kali-Genting Highlands di sini mencecah ketebalan 16 meter atau bersamaan ketinggian bangunan lima tingkat.

Penolong Pengarah Operasi Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Selangor, Hafisham Mohd. Noor berkata, keadaan itu menyebabkan struktur tanah di lokasi bencana menjadi lembik dan berlumpur.

"Operasi mencari dan menyelamatkan (SAR) dilakukan secara berhati-hati dengan mengambil kira semua faktor. Cabaran hari ini (semalam) adalah keadaan tanah berikutan hari sebelumnya hujan lebat menjadikan tanah lembik dan berlumpur.

"Ketinggian tanah meningkat dari asal disebabkan gelinciran tanah yang kini mencecah 16 meter," katanya pada sidang akhbar di lokasi kejadian semalam.



**OPERASI SAR** pada hari keempat semalam begitu mencabar berikutan keadaan kawasan tragedi runtuh yang dipenuhi lumpur di Batang Kali, Hulu Selangor. - FARIZ RUSADIO

## Mangsa maut

- **Lim Wei Xin** (perempuan) (36 tahun)
- **Hong Mei Jing** (perempuan) (38 tahun)
- **Nurul Azwani Kamaruzaman** (perempuan) (31 tahun)
- **Lai Lee Yin** (perempuan) (31 tahun)
- **Tong Kai En** (lelaki) (9 tahun)
- **Lai Lee Koon** (perempuan) (44 tahun)
- **KabKok Boon** (lelaki) (43 tahun)
- **Zech Loh Qi Yi** (lelaki) (7 tahun)
- **Eng Hual Yi** (perempuan) (12 tahun)
- **Eng Choon Wen** (lelaki) (43 tahun)
- **Ng Yee Tong** (perempuan) (11 tahun)
- **Ka Sin Ya Vanya** (perempuan) (6 tahun)

di lokasi kejadian semalam.

Setakat pukul 5 petang semalam, jumlah mangsa yang maut akibat bencana alam itu kekal 24 orang, manakala bilangan mangsa yang masih hilang adalah sembilan orang.

Mengulas lanjut, Hafisham memberitahu, operasi dilakukan pasukan SAR menumpukan kawasan yang masih belum dilaksanakan sebelum ini.

“Kami percaya di kawasan itu berkemungkinan besar pasukan operasi akan menjumpai baki mangsa yang masih hilang. Pihak kami akan gali sampai ke dasar.

“Kami juga akan menumpukan kepada sektor C dan A. Sebarang lapan ekskavator berada di lapangan bagi mempercepatkan operasi,” ujarnya.

Turut digunakan dua buah ekskavator milik 91 Rejimen Askar Jurutera Diraja (91 Rej Bantuan RAJD) Kem Batu Kentonmen, Kuala Lumpur bagi mempercepatkan operasi SAR.

Operasi semalam disertai seramai 135 anggota pelbagai agensi selain dibantu oleh Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (Jupem) selepas disambung semula pada pukul 8 pagi.

“Pihak kami turut mendapatkan maklumat daripada pegawai keselamatan yang dilantik untuk memantau gelinciran tanah. Kami mengharapkan usaha ini membuahkan hasil.

“Kami terkilau dan kecewa kerana seharian berusaha masih belum jumpa mangsa,” katanya.



**ANJING pengesan milik Polis Diraja Malaysia turut digunakan untuk mencari mangsa yang masih hilang.** – FARIZ RUSADIO

## Pemilik kenderaan sudah dikenal pasti – Polis



**SEBAHAGIAN kenderaan milik mangsa yang tersadai di lokasi runtuhannya di Batang Kali.**

**HULU SELANGOR** – Polis mengenal pasti identiti pemilik lima daripada tujuh kenderaan di lokasi tanah runtuh di Jalan Batang Kali-Genting Highlands.

Ketua Polis Daerah Hulu Selangor, Superintendan Suffian Abdullah berkata, dua daripada lima kenderaan itu disahkan milik mangsa yang meninggal dunia.

“Terdapat tujuh buah kenderaan di lokasi dengan lima daripadanya telah dikenal pasti pemiliknya.

“Dua kenderaan milik itu dimiliki mangsa yang meninggal dunia, dua buah lagi pemiliknya se-

lamat, manakala sebuah lagi pula kepunyaan mangsa yang masih hilang,” katanya pada sidang akhbar di sini semalam.

Suffian selaku komandan operasi mencari dan menyelamatkan menyeru mana-mana pihak yang kehilangan ahli keluarga membuat laporan polis.

“Setakat ini, hanya satu laporan yang diterima berkaitan orang hilang,” katanya.

Beliau turut mengingatkan orang ramai agar tidak menularkan sebarang gambar atau video mangsa kejadian bagi menjaga sensitiviti keluarga mereka.

- **Lam Sook Man** (perempuan) (37 tahun)
- **Wong Kim Yap** (lelaki) (34 tahun)
- **Fong Choy Kee** (perempuan) (43 tahun)
- **Liu Pei Si** (perempuan) (44 tahun)
- **Daniel Khor Yen** (lelaki) (5 tahun)
- **Chin Su King** (perempuan) (36 tahun)
- **Lai Chee Sam** (lelaki) (33 tahun)
- **Wong Zi Hang** (lelaki) (1 tahun)
- **Gain Choo Yin** (perempuan) (35 tahun)

### Mangsa cedera

- **Yam Lee Yan** (perempuan) (41 tahun)
- **Ng Wei Lun** (lelaki) (13 tahun)
- **Mg tan** (lelaki) (13 tahun)
- **Sandy Cheah Hui Kein** (perempuan) (32 tahun)
- **Tan Ei Ein** (perempuan) (43 tahun)
- **Choo Wai Lun** (lelaki) (34 tahun)
- **Ling Zi Xuan** (lelaki) (19 tahun)
- **Loh Teng Shui** (lelaki) (44 tahun)